

# Melayu pencetus sinar Islam di Australia

**K**EPAKARAN bangsa Melayu dalam bidang pelayaran pada suatu masa dahulu sememangnya tidak boleh dinafikan malah telah diangkat sebagai pelaut yang handal dan dicatat dalam lipatan sejarah.

Sebagai contoh, Panglima Awang atau dikenali sebagai Enrique dirakam sebagai individu penting yang terlibat secara langsung dalam misi Ferdinand Magellan mengelilingi dunia.

Satu kajian berhubung ketokohan pelayar yang turut dikenali sebagai 'Henry The Black' dan 'Enrique of Malacca' itu telah dilaksanakan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia tidak lama dahulu oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Semua itu bagi membuktikan kepakaran bangsa Melayu sebagai pelaut yang hebat, tetapi dinafikan oleh negara Barat terutama dalam meneroka kawasan-kawasan baharu termasuk di Australia.


Pengasas Pusat Islam Ashabul Kahfi Sydney, Australia, **Dr. Teuku Chalidin Yacob** berkata, kepakaran bangsa Melayu dalam bidang pelayaran membolehkan usaha dakwah dan penyebaran cahaya Islam ke Australia dapat dilaksanakan dengan baik.

Katanya, ketinggian adab dan kesopanan bangsa Melayu membolehkan Islam mudah diterima oleh masyarakat setempat, sekali gus memudahkan usaha dakwah dijalankan.

Tegasnya, Muslim Melayu adalah penemu negara Australia, malah bangsa Melayu telah berada di negara kanggaru jauh lebih awal sebelum kedatangan orang kulit putih dari Eropah.

Anak kelahiran Aceh itu berkata, peninggalan sejarah tersebut dapat dibuktikan dengan penemuan tanah perkuburan Muslim Melayu di Broome iaitu di pesisir barat Australia.

"Malah pelaut dari Bugis-Makassar sudah datang ke Australia pada abad ke-16 dalam misi menjalankan



**TEUKU CHALIDIN YACOB** (kanan) menyerahkan buku bertajuk *Muslim Melayu Penemu Australia* hasil penulisan dan kajiannya kepada Wan Hashim Wan Teh semasa penganjuran Siri Wacana Atma UKM baru-baru ini.

perdagangan mencari teripang atau gamat di negara tersebut.

"Selain itu, motif kedatangan kumpulan pelaut tersebut ke Australia adalah kerana hubungan kekeluargaan dan menjalankan aktiviti berdakwah," katanya ketika membentangkan kisah pengembaraan bangsa Melayu ke negara Australia, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika sesi Siri Wacana anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertajuk *Muslim Melayu Penemu Australia: Satu Cabaran Fakta Sejarah*.

Turut sama membincangkan tajuk tersebut ialah bekas pensyarah UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh dan Saiful Islam Mohamad Nase dari Akademi Tahfiz Al-Islah, Selangor yang pernah melakukan kajian bangsa Melayu di negara kanggaru tersebut.

Mengulas lanjut, Teuku Chalidin berkata, kedatangan Muslim Indonesia ke Australia dilihat terus berlangsung pada era 50-an dan 70-an hingga 90-an, meskipun diklasifikasikan

sebagai pendatang Australia.

Menurutnya, kesempatan berada di Australia digunakan untuk berdakwah secara lebih dominan kepada masyarakat setempat dan memantapkan lagi akidah umat Islam di negara tersebut.

Meskipun begitu katanya, terdapat pelbagai 1,001 rintangan yang dihadapi bangsa Melayu Muslim pada ketika itu terutama melibatkan masalah bahasa, kebudayaan dan adat istiadat.

Jelasnya, menjadikan Australia sebagai tempat berdakwah, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk menubuhkan pusat Islam dan organisasi Muslim Indonesia, penganjuran majlis taklim serta pembinaan sekolah-sekolah Islam di New South Wales.

Tambahnya, biarpun saiz masjid di negara itu tidak sebesar dan seindah masjid di Malaysia dan Indonesia, namun terdapat lima buah masjid telah berjaya dibangunkan di Australia iaitu Masjid Al-Hijrah, Masjid Zetland, Masjid Al-Jihad, Masjid Iqra' dan Masjid Ashabul Kahfi. - **HISYAMUDDIN AYUB**